Dengan adanya perkembangan teknologi digital, rakyat Malaysia dapat menjalankan pelbagai aktiviti sosioekonomi di peringkat global.Huraikan

Jenis: Karangan Tidak Berfokus

Isu: Perkembangan Teknologi Digital

Fokus Isu: Aktiviti Sosial Dan Ekonomi

Kata Tugas: Huraikan

Kehendak Soalan: 2+3/3+2

This study source was downloaded by 100000892602221 from CourseHero.com on 11-03-2024 00:06:27 GMT -05:00

Aktiviti Sosial

Pendidikan

- Teknologi digital ini membolehkan rakyat Malaysia mengumpul maklumat dengan pantas dan banyak dalam masa yang singkat.
- Pelbagai maklumat dalam dan luar Negara dapat diperoleh untuk menambah baik bidang pendidikan.
- Golongan pelajar dan pendidik di seluruh dunia boleh bertukar-tukar pandangan untuk meningkatkan mutu pendidikan Negara masing-masing.
- Teknologi digital juga memudahkan pendaftaran dan pendidikan jarah jauh dijalankan di beberapa buah Negara.

Sukan

- Sukan juga dapat dijalankan dengan mudah dengan adanya teknologi digital ini.Komunikasi dan latihan boleh ditambahbaik melalui teknologi ini.
- Melalui satelit dan jalur lebar, saluran langsung antarabangsa dapat ditayang dengan serta merta di serata tempat yang mempunyai liputan teknologi digital.

This study source was downloaded by 100000892602221 from CourseHero.com on 11-03-2024 00:06:27 GMT -05:00

Aktiviti Sosial

Komunikasi dan perhubungan

- Teknologi ini membolehkan rakyat Malaysia dapat berhubung dan bertukar-tukar pandangan dengan anggota masyarakat di Negara-Negara lain melalui media social seperti `facebook`.
- Melalui telefon bimbit juga rakyat di seluruh dunia dapat berkomunikasi atas talian dengan mudah.
- Hal ini akan mengeratkan lagi hubungan sosial antara Negara.

Kesihatan

- Teknologi digital ini juga membolehkan para pengamal kesihatan dapat membuat kajian untuk meningkatkan penjagaan kesihatan rakyat di Negara masing-masing.
- Maklumat ini boleh dikongsikan bersama dengan rakyat di seluruh dunia.
- Beberapa penemuan baru dalam perubatan tradisional dan moden ditemui untuk kepentingan sejagat.

This study source was downloaded by 100000892602221 from CourseHero.com on 11-03-2024 00:06:27 GMT -05:00

Aktiviti Ekonomi

e-dagang

- Dalam bidang ekonomi pula, teknologi digital mampu melonjakkan taraf ekonomi sesebuah Negara melalui aktiviti perdagangan.
- Penggunaan teknologi ini telah membolehkan urusan perdagangan berjalan dengan lancar, sebagai contoh e-dagang dapat memasarkan produk tempatan ke luar Negara.

Pelaburan asing

- Teknologi digital juga dapat merancakkan lagi aktiviti pelaburan asing. Pelabur tempatan akan menggunakan peluang yang ada melalui teknologi ini untuk menggiatkan lagi promosi pelaburan ke luar negara.
- Para pelabur asing juga telah menggunakan teknologi ini untuk mencari lokasi pelaburan yang sesuai dan pelbagai maklumat yang ada untuk kebaikan masing-masing.

Pelancongan

- Melalui teknologi ini juga, sektor pelancongan juga dapat dikembangkan dengan hebat ke serata dunia.
- Malaysia yang cukup terkenal dengan lokasi menarik dan pelbagai keistimewaan yang lain telah menggunakan teknologi ini untuk menarik pelancong dalam dan luar negara.
- Hal ini sudah semestinya dapat meningkat aliran wang masuk ke negara.

This study source was downloaded by 100000892602221 from CourseHero.com on 11-03-2024 00:06:27 GMT -05:00

Aktiviti Ekonomi

Perindustrian

- Teknologi digital juga menjadikan sektor industri berkembang maju.
- Teknologi ini membolehkan pengusaha tempatan mendapatkan maklumbalas yang jelas berhubung dengan citarasa pengguna terhadap satu-satu produk yang dihasilkan.
- Dengan ini memudahkan produk tersebut dipasarkan ke negara luar.

Pertanian

- Teknologi ini dapat membantu golongan petani moden mendapat maklumat berhubung dengan duina pertanian.
- Melalui teknologi ini juga Malaysia telah mengadakan `Pameran Pertanian` , Hortikultur dan Agro Pelancongan Antarabangsa (MAHA) , dan menarik kira-kira 25 buah negara di dunia untuk menyertai pameran tersebut.
- Antara negara yang mengambil bahagian ialah Australia , Brazil , Argentina , Hong Kong , Korea , Jepun dan negara-negara ASEAN.

This study source was downloaded by 100000892602221 from CourseHero.com on 11-03-2024 00:06:27 GMT -05:00